



MSM labur RM1.09b bina kilang gula

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 26 OGOS**

MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) akan melabur sebanyak AS\$259 juta (RM1.09 bilion) untuk membina kilang penapisan gula terbesar di Malaysia terletak di Tanjung Langsat, Johor.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, pembinaan kilang itu yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga 2017, membolehkan syarikat menerajui pasaran gula tempatan dengan sasaran pengeluaran sebanyak dua juta tan gula bertapis setahun, berbanding 1.1 juta tan sebelum ini.

Beliau berkata, pembinaan

kilang itu juga membolehkan MSM meningkatkan kapasiti pengeluaran tahunan gula bertapis kepada 3.25 juta tan.

"MSM kini sedang membentuk semula industri gula di Malaysia. Menerusi kilang penapis di Johor, kami menjangkakan untuk mencapai tahap kecekapan operasi tinggi yang akan diterjemahkan dalam harga produk barangan akhir yang paling kompetitif.

"Pembinaan kilang ini dijangka dapat meningkatkan penguasaan pasaran domestik kepada 100 peratus apabila ia siap nanti, berbanding 64 peratus ketika ini. Selain itu, ia juga sejajar dengan sasaran kami untuk menjadi pengeluaran gula lima teratas di Asia menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani Perjanjian Pembinaan, Rekabentuk dan Pamerolehan Kejuruteraan (EPCC)

antara MSM dan Sharkara International, syarikat sekutu Sutech Engineering Co. Ltd. dari Thailand untuk pembinaan kilang terbabit di sini hari ini.

Perjanjian EPCC dengan Sharkara selama dua tahun melibatkan kontrak bernilai AS\$97.5 juta (RM413 juta) sebagai kontraktor utama bagi pembinaan kilang terbabit.

Sementara itu, Sheikh Awab berkata, kerjasama terbabit bakal membina keupayaan kedua-dua buah syarikat dalam meningkatkan lagi kecekapan serta kualiti perkhidmatan dalam rantaian bekalan gula.

"Sharkara mempunyai pengalaman lebih 40 tahun dalam bidang pembinaan kilang penapis gula, malah telah melibatkan diri dalam pembinaan lebih 35 buah kilang penapis gula di seluruh dunia. Ini merupakan kriteria utama pemilihan EPCC," ujarnya.



SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian pembinaan kilang penapis gula dengan Presiden Sharkara International, Dr. Pit Pruksathorn di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN